

02/09/1997

## Teknologi moden alternatif buruh asing

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR: Kebimbangan kebanjiran pendatang asing di Malaysia bukan isu baru, malah ia sudah diperkatakan sejak lama dahulu. Kini, sekurang-kurangnya 1.7 juta buruh asing dari beberapa negara bekerja di sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian, sekali gus menjadikan bekalan tenaga kerja bergantung terhadap mereka.

Kemasukan buruh, khususnya dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India dan Filipina sebenarnya berpunca daripada faktor tarikan di Malaysia iaitu wujud peluang pekerjaan hasil perkembangan pesat ekonomi, sekali gus menjadi lubuk rezeki kepada mereka.

Tidak dinafikan pekerja asing membantu memacu pertumbuhan ekonomi tetapi kesannya, Malaysia akan bergantung kepada mereka dari segi tenaga kerja. Pergantungan itu boleh menjejaskan ekonomi negara serta mendatangkan kesan sampingan lain termasuk masalah sosial, khususnya jenayah dan penyakit.

Pergantungan ekonomi negara terhadap buruh asing, khususnya di sektor pembinaan dan pertanian tidak dapat dielakkan kerana sektor itu masih berintensif buruh sedangkan rakyat tempatan mempunyai banyak pilihan di sektor lain yang tidak memerlukan mereka dibakar matahari.

Sektor perkhidmatan pula, khususnya pembantu rumah dimonopoli warga Indonesia kerana penduduk tempatan tidak berminat akibat tawaran upah yang rendah serta pakej menarik sektor lain, khususnya perkilangan.

Akibat penguasaan pekerja asing di sektor berkenaan, negara kerugian sekurang-kurangnya RM2.7 bilion tahun lalu apabila mereka membawa pulang wang ke negara masing-masing, sekali gus melebarkan defisit imbalan pembayaran negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah berkata pergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor perindustrian akan mewujudkan masalah sosial dan ekonomi negara, termasuk menyumbang kepada defisit imbalan pembayaran.

Beliau menjelaskan kita masih berada pada tahap penggunaan tenaga pekerja secara kurang efisien dan menggunakan tenaga asing, sekali gus menyebabkan banyak pengaliran keluar wang ke luar negara.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan memperkenalkan pendekatan baru dalam sektor pertanian dan Industri Kecil Sederhana (IKS) bagi meningkatkan kecekapan serta mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing.

Sebagai perbandingan, Dr Mahathir menjelaskan, petani di England boleh menguruskan ladang beribu-ribu hektar tanpa memerlukan jumlah tenaga buruh yang banyak.

"Saya dapati cara mereka bertani berbeza dengan kita yang masih mengikut cara lama. Kita gunakan pekerja yang ramai dan cara kita tidak efisien langsung, sedangkan negara tidak memiliki tenaga buruh mencukupi.

"Jika kita tidak dapat meningkatkan penggunaan tenaga manusia, maka kita tidak boleh maju. Sehubungan itu, ada pendekatan baru yang perlu kita ambil jika kita ingin memajukan negara," katanya.

Ingatan Perdana Menteri tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak kerana pergantungan kepada buruh asing ternyata menyebabkan kesan buruk pada masa akan depan. Justeru, pengumuman pembekuan pengambilan buruh asing oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, adalah satu tindakan yang wajar dan tidak perlu diungkit lagi demi kepentingan negara.

Majikan perlu melihat keputusan itu secara positif dan menjadikannya

sebagai satu cabaran, bukannya membangkitkan masalah yang bakal dihadapi akibat tindakan itu. Kerajaan hanya membekukan kemasukan baru, bukannya 'menghalau' pekerja asing yang sudah berada di negara ini, kecuali warga asing yang masuk secara haram.

Oleh itu, majikan yang kini mempunyai buruh asing perlu menggunakan tenaga kerja yang mereka miliki secara optimum di samping mencari pendekatan baru, khususnya ke arah intensif modal seiring matlamat menuju sebuah negara perindustrian serta sebagai persediaan 1.7 juta pekerja asing itu kembali ke negara asal masing-masing.

Tokoh ekonomi negara, Prof Diraja Ungku Aziz menjelaskan, majikan perlu bertindak secara proaktif bagi memastikan pergantungan kepada pekerja asing dapat ditangani secara bijaksana.

Beliau menegaskan pergantungan kepada pekerja asing akan melambatkan proses pemindahan dan penyerapan teknologi terkini kerana majikan lebih berminat mengupah buruh asing kerana upah rendah daripada memiliki teknologi yang lebih mahal (kos tetap).

Berikutan itu, majikan perlu mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing secara beransur-ansur mulai sekarang melalui penggunaan mesin dan sekiranya kerajaan memutuskan buruh asing tidak diperlukan lagi pada masa depan, mereka tidak risau lagi kerana sudah memiliki mesin.

"Pekerja asing memang diperlukan dalam jangka pendek untuk sektor yang intensif buruh tetapi majikan perlu melihat keputusan kerajaan itu sebagai satu strategi jangka panjang untuk kepentingan ekonomi negara," jelasnya.

Jika majikan tidak lagi mengambil pekerja asing, harapan Dr Mahathir ketika berucap pada majlis Dialog Perdagangan dan Industri tahun lalu, supaya pengusaha industri mengurangkan pergantungan itu dengan beroperasi menggunakan mesin dan robot, akan tercapai.

Pergantungan terhadap pekerja asing bukan saja memberi kesan buruk kepada ekonomi tetapi juga boleh menggugat keselamatan negara, khususnya apabila membabitkan kemasukan pendatang asing secara haram melalui penyeludupan dan pemalsuan dokumen perjalanan dan pengenalan diri.

Rakyat asing sanggup berkorban semata-mata untuk datang ke Malaysia dan kesempatan itu digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab sama ada rakyat tempatan atau asing untuk meraih keuntungan. Kesannya, berlaku pemalsuan dokumen perjalanan menyebabkan kerajaan terpaksa berbelanja besar mencari alternatif baru untuk menanganinya.

Pengarah Geraksaraf dan Perangsaraf Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Brig Jen Mohd Fahmy Hussain, berkata pengalaman menunjukkan keselamatan negara boleh tergugat dalam jangka masa singkat akibat kealpaan.

Di samping itu, kes jenayah turut dilaporkan meningkat sejak kemasukan pekerja asing ke negara ini. Saban hari kita dengar ada saja kes ragut, samun, pecah rumah, curi dan bunuh di kawasan penempatan mereka, khususnya di rumah kongsi.

Sepanjang tahun lalu, 2,019 kes jenayah dilaporkan dilakukan oleh rakyat asing dan walaupun kes tidak begitu serius, tetapi ia perlu dikawal sebelum menjadi tidak terkawal.

Kebanjiran rakyat asing turut menyebabkan peningkatan kes penyakit berjangkit. Malah, mereka juga membawa penyakit asing ke negara ini seperti Kala Azar atau demam hitam, yang dipercayai dibawa oleh pendatang dari India, Bangladesh dan Myanmar.

September lalu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menjelaskan pendatang asing menyebabkan rakyat tempatan berhadapan dengan penyakit berjangkit seperti batuk kering, malaria dan untut yang hampir berjaya dikawal sepenuhnya melalui program penjagaan kesihatan sejak 20 tahun lalu.

MMA mendakwa keadaan itu berlaku kerana ada pendatang asing menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik dan makmal perubatan yang tidak

bertauliah, sekali gus membuktikan kelemahan pelaksanaan peraturan itu yang boleh membahayakan penduduk tempatan.

Akibat dakwaan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pekerja Asing mengarahkan kepincangan itu diatasi segera bagi memastikan ia tidak menjejaskan kesihatan rakyat tempatan.

Rakyat asing bukan setakat mencari rezeki untuk tempoh tertentu tetapi menetap serta mempunyai keluarga, malah mungkin ada yang tidak mahu balik ke negara asal dengan membina penempatan di tanah kerajaan seperti berlaku di Selangor dan Sabah.

Fenomena itu menimbulkan masalah lebih besar apabila mereka sudah membentuk satu kelompok masyarakat sendiri dengan membuat pelbagai tuntutan apabila diminta berpindah, sekali gus menyukarkan kerajaan untuk mengambil tindakan.

Keadaan akan lebih gawat jika pekerja asing menerima kenyataan bahawa tenaga empat kerat mereka sangat diperlukan dalam proses pembangunan negara, lantas membina penempatan sendiri serta memiliki keluarga dan satu perkara yang mungkin dibangkitkan ialah taraf kerakyatan.

Pada masa ini, mereka mungkin tidak membangkitkan soal tuntutan persamaan hak sebagai warga negara tetapi adalah tidak mustahil pada masa depan mereka menyuarakannya seperti dilakukan rakyat Turki di Jerman. Apa yang berlaku di Jerman ialah rakyat Turki yang memasuki negara itu menuntut persamaan hak sebagai warga negara.

Bermula dengan kemasukan mereka sebagai pendatang, lama-kelamaan mereka memperjuangkan hak itu, sekali gus akan menjejaskan kepentingan rakyat tempatan.

Dr Mahathir pernah membangkitkan isu berkenaan tahun lalu dengan mengambil contoh masalah di Jerman mungkin berlaku di Malaysia sekiranya kemasukan rakyat asing tidak ditangani dengan berkesan.

Kita bukannya bersifat antipendatang asing tetapi tidak mahu hak dan kepentingan mutlak rakyat tempatan dikongsi bersama dengan rakyat asing seperti kata perumpamaan 'diberi betis hendak paha'.

Jika dilihat perkembangan sekarang, sudah ada bukti menunjukkan pendatang asing menggunakan kemudahan yang disediakan untuk rakyat tempatan seperti kemudahan persekolahan dan perubatan di hospital kerajaan.

Data yang dikeluarkan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan (IPRD) tahun lalu ada 44,000 pelajar asing di negara ini. Daripada jumlah itu, 35,000 rakyat Filipina belajar di sekolah rendah dan menengah di Sabah, khususnya Tawau, Sandakan dan bahagian selatan negeri itu manakala Selangor (3,000 pelajar).

Berdasarkan pertimbangan rasional ke atas implikasi yang mungkin berlaku sekiranya pengambilan buruh asing diteruskan, kerajaan wajar mengekalkan pembekuan itu.

Dalam pada itu, buruh asing sedia ada perlu dikurangkan secara berperingkat kerana suatu masa nanti mereka tidak lagi diperlukan.

(END)